

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 14.01.2025 MASA: 05.30PM**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL  
HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PROGRAM KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR DAN  
GOTONG-ROYONG KAMPUNG TOK KERAMAT, PERAI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**19 JANUARI 2025 (AHAD)  
10.00 PAGI**

**KAMPUNG TOK KERAMAT, PERAI  
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai Merangkap Ketua Penyelaras  
Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar Dan Gotong-Royong Kampung  
Tok Keramat, Perai

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras  
Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar Dan Gotong-Royong Kampung  
Tok Keramat, Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah sama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar Dan Gotong-Royong Kampung Tok Keramat, Perai** pada pagi yang mulia dan barakah ini.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Tajuddin bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Tok Keramat dan semua Ahli Jawatankuasa JPKKP Tok Keramat atas komitmen dan kerjasama erat yang diberikan kepada MBSP dalam menjayakan program pada pagi ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua yang turut hadir bersama pada pagi ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan semangat komuniti yang kukuh dan keprihatinan terhadap pemeliharaan alam sekitar, satu usaha murni yang wajar dipuji.
4. Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan Gotong-Royong ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya penjagaan alam sekitar serta pelaksanaan Dasar

Pengasingan Sisa Dipunca. Seperti yang kita sedia maklum, dasar ini telah dikuatkuasakan mulai Julai 2024 sebagai langkah strategik untuk mengurangkan sisa ke tapak pelupusan dan meningkatkan kadar kitar semula.

5. Aktiviti-aktiviti yang dirangka dalam program ini, termasuk taklimat mengenai pengasingan sisa dipunca dan aktiviti gotong-royong bersama penduduk kampung, adalah platform untuk mendidik masyarakat mengenai kepentingan memelihara kebersihan dan kelestarian persekitaran. Selain itu, ia juga memberi peluang kepada penduduk untuk berganding bahu melaksanakan tanggungjawab sosial demi memastikan Kampung Tok Keramat terus menjadi kawasan yang bersih, indah, dan sihat untuk didiami.
6. Saya difahamkan bahawa program ini melibatkan penglibatan kira-kira 100 orang penduduk kampung yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga untuk bersama-sama membersihkan kawasan sekitar. Ini adalah satu pencapaian yang amat membanggakan dan membuktikan bahawa semangat gotong-royong masih utuh dalam kalangan masyarakat kita. Saya juga berharap usaha ini dapat menjadi contoh kepada kampung-kampung lain untuk turut serta menggerakkan aktiviti-aktiviti sebegini.
7. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang komited terhadap pembangunan mampan, MBSP sentiasa berusaha melaksanakan

inisiatif yang bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga memastikan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang. Dalam konteks ini, penglibatan aktif daripada setiap lapisan masyarakat amat penting bagi merealisasikan matlamat bersama ke arah persekitaran yang lebih hijau dan bersih.

8. Saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MBSP, dalam menggembeleng tenaga untuk menjayakan program-program yang dianjurkan oleh MBSP. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa kempen kesedaran alam sekitar dan gotong-royong ini hanya membebankan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program sebegini.
9. Akhir kata, semoga usaha kita pada hari ini diberkati dan menjadi inspirasi kepada semua untuk terus memelihara kebersihan dan keindahan alam sekitar.
10. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Program Kempen Kesedaran Alam Sekitar Dan Gotong-Royong Kampung Tok Keramat, Perai.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***